

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)12

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

12. Apakah inisiatif atau program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi mempromosikan Pulau Pinang sebagai Hab Gastronomi serantau?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Kerajaan Negeri Pulau Pinang terus memperkukuh kedudukan negeri ini sebagai hab gastronomi serantau melalui pelbagai inisiatif strategik yang mempromosikan kepelbagaian kulineri serta warisan makanan tempatan. Antara inisiatif utama adalah penganjuran *Penang International Food Festival (PIFF)* yang merupakan acara tahunan ikonik menghimpunkan pengusaha makanan tempatan, cef terkenal dan penggiat industri bagi memperkenalkan keunikan rasa Pulau Pinang kepada pelancong dari dalam dan luar negara.

Selain itu, kemasukan *MICHELIN Guide Malaysia* yang menampilkan restoran serta penjaja dari Pulau Pinang turut mengukuhkan reputasi negeri ini sebagai destinasi gastronomi bertaraf dunia. Pengiktirafan tersebut bukan sahaja meningkatkan imej Pulau Pinang di peringkat antarabangsa, malah memberi galakan kepada pengusaha makanan tempatan untuk mengekalkan mutu, keaslian dan identiti dalam penyediaan makanan.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mencalonkan sepuluh (10) makanan tradisi Pulau Pinang kepada Jabatan Warisan Negara untuk diwartakan sebagai Warisan Kebangsaan, iaitu Nasi Kandar, Pasembur, Char Kue Kak, Mi Hokkien, Mi Jawa, Oh Chien, Mi Udang, Mi Sotong, Kerabu Bihun dan Roti Benggali. Usaha ini bertujuan mengiktiraf nilai warisan kuliner tempatan serta memelihara identiti gastronomi Pulau Pinang sebagai khazanah budaya yang perlu diwarisi oleh generasi akan datang.

Di samping itu, semasa Minggu Pulau Pinang di *Osaka World Expo*, demonstrasi “Roti Canai Terbang” oleh *chef* dari Pulau

Pinang turut menjadi tumpuan utama pelancong di Pavilion Malaysia. Persembahan makanan ini bukan sahaja menonjolkan kemahiran dan kreativiti cef tempatan, malah pelancong turut berpeluang merasai keenakan roti canai secara langsung, sekaligus mengalami sendiri keunikan makanan Malaysia. Aktiviti ini berjaya memperkenalkan warisan makanan negeri kepada khalayak antarabangsa, sekaligus memperkukuh penjenamaan Pulau Pinang dan Malaysia sebagai hab gastronomi serantau.

Promosi negeri sebagai destinasi makanan turut diperkasa melalui kempen media sosial, penerbitan kandungan digital bertema makanan, serta kerjasama dengan syarikat penerbangan dan media antarabangsa.

Selain itu, Pulau Pinang turut menerima pengiktirafan global sebagai destinasi gastronomi unggul. Platform media dan hiburan antarabangsa "*TimeOut*" telah menyenaraikan Pulau Pinang sebagai salah satu daripada "10 Bandar Makanan Jalan Terbaik di Asia yang Wajib Dicuba", dengan gambaran Pulau Pinang ini sebagai destinasi yang "murah, mudah dan lazat", di

mana pelancong yang berkunjung ke syurga makanan ini “tidak akan pernah berasa lapar”. Selain itu, Media “*National Geographic*” pula menobatkan Pulau Pinang sebagai salah satu pulau terbaik di Asia Tenggara kerana keunikan makanan tempatan, menekankan bahawa tiada destinasi lain di rantau ini yang mampu menandingi kekayaan pengalaman gastronomi Pulau Pinang.